

Pejabat Pendaftaran,
Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur.

30hb. April. 1979

Semua Yang Di Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Mejistret,
Mahkamah Mejistret,
Semenanjung Malaysia.

Pekeliling Pendaftaran (U) No. 3 Tahun 1979

Jadual Persidangan Yang Di Pertua dan Mejistret.

Adalah saya diarahkan oleh Yang Arif Hakim Besar untuk menarik perhatian Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas terutama sekali kerana terdapat Mahkamah-mahkamah yang tidak menghantar jadual persidangan ke pejabat ini, tidak mengikut jadual-jadual berkenaan, dan tidak mematuhi Pekeliling Pendaftaran No. 12 Tahun 1978.

2. Yang Arif Hakim Besar mengarahkan bahawa mulai 1hb. July, 1979, Yang Di Pertua Mahkamah Sesyen adalah diper tanggong-jawaban untuk menyediakan Jadual-jadual Persidangan bagi semua Yang Di Pertua dan Mejistret di negeri masing-masing (bagi negeri-negeri di mana terdapat lebih dari satu tempat yang mempunyai Yang Di Pertua seperti Johor & Pahang bagi kawasan masing-masing). Jadual-jadual tersebut hendaklah salinan dibuat tiga bulan sekali dan satu/dihantar kepada Ketua Pendaftar sekurang-kurangnya sebulan sebelum Jadual-jadual tersebut berkuat-kuasa. Dalam menyediakan jadual-jadual tersebut Yang Di Pertua-Yang Di Pertua bolehlah berunding dengan Mejistret Mejistret di negeri (atau kawasan) masing-masing dan juga Yang Arif Tuan-tuan Hakim berkenaan. Dalam jadual-jadual tersebut faktor-faktor berikut mestilah diikuti:

(a) Yang Di Pertua-Yang Di Pertua hanya ber-sidang di Mahkamah-mahkamah (Sesyen) masing-masing.

(b) Bilangan Mahkamah yang diliputi oleh se-seorang Mejistret hendaklah seberapa sedikit yang boleh.

(c) Seberapa yang boleh, hanya seorang sahaja Mejistret yang patut meliputi sesebuah Mahkamah,

(d) Bilangan persidangan di sesebuah Mahkamah hendaklah ditetapkan mengikut banyaknya backlog di Mahkamah-mahkamah tersebut. Yang Di Pertua-Yang Di Pertua hendaklah membuat kajian kedudukan backlog di semua Mahkamah-mahkamah di negeri (atau kawasan) masing-masing tiap-tiap enam bulan sekali dan sekiranya didapati perlu, untuk mengurangkan back-log di sesebuah Mahkamah, perubahan hendaklah dibuat menambah persidangan di Mahkamah-mahkamah berkenaan.

3. Adalah menjadi tanggung-jawab Yang Di Pertua-Yang Di Pertua untuk menentukan bahawa jadual-jadual tersebut diikuti. Sebarang perubahan persidangan yang tidak mengikuti jadual-jadual tersebut hendaklah mendapat persetujuan Ketua Pendaftar. Tetapi Yang Di Pertua-Yang Di Pertua bolehlah membenarkan Mejisteret-mejisteret di negeri-negeri atau kawasan masing-masing bersidang di luar jadual sekiranya keperluan itu timbul dengan serta-merta dan tidak dapat diilakkan tetapi Ketua Pendaftar hendaklah diberitahu dengan seberapa segera.

4. Jadual-jadual tersebut hendaklah mengikut contoh ter-kembar.

Saya yang menurut perintah,

(Haji Wan Mohamed b. Haji Mustapha)
Ketua Pendaftar.

s.k

- 1) Yang Amat Ariff, Ketua Hakim Negara.
- 2) Yang Arif,,Hakim Besar Malaya.
- 3) Yang Arif, Hakim Besar, Borneo.
- 4) Yang Arif Tuan-tuan Hakim Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- 5) Yang Arif, Tuan-tuan Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya.
- 6) Pendaftar Mahkamah Tinggi, Borneo, Kuching, Sarawak.
- 7) Timbalan Bendaftar, Mahkamah Tinggi, Borneo, Kota Kinabalu, Sabah.
- 8) Semua Penolong Kanan Pendaftar, Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya.